



TANGGUNGJAWAB SAINTIS STI 100³ YANG DILANTIK

TAHUN 2026

LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

TANGGUNGJAWAB SAINTIS STI 100³ YANG DILANTIK

Gambaran Keseluruhan

Sebagai Saintis STI 100³ yang dilantik di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), anda akan **dipadankan dengan satu (1) buah sekolah** dan dikehendaki untuk **melaksanakan tiga (3) aktiviti STI/STEM sepanjang tiga (3) bulan** kitaran pelaksanaan. **Bahasa Melayu** perlu digunakan sebagai bahasa pengantar utama bagi keseluruhan pelaksanaan aktiviti dan perkongsian bagi memastikan penyampaian maklumat adalah berkesan serta mudah difahami oleh komuniti sekolah.

Saintis akan bertindak sebagai Duta STI, mempromosikan kesedaran Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) melalui aktiviti yang interaktif bersama para pelajar dan komuniti sekolah.

Keseluruhan kitaran program bermula daripada **proses pendaftaran calon, semakan status kelulusan pelantikan, sehinggalah penghantaran laporan akhir aktiviti** adalah dikendalikan sepenuhnya secara atas talian menerusi **Sistem S3PM**.

A. FASA PRA PELAKSANAAN

Setelah menerima surat pelantikan dan penetapan sekolah, saintis hendaklah:

1. Berhubung dengan Sekolah yang Ditetapkan

- Menghubungi pegawai penyelaras (focal person) yang ditetapkan oleh pihak sekolah.
- Memperkenalkan diri sebagai Saintis STI 100³ yang dilantik, surat rasmi akan diberikan.
- Membincangkan dan mengesahkan tarikh yang sesuai untuk tiga (3) sesi aktiviti tersebut.
- Menyelaraskan logistik program bersama pihak sekolah.

2. Merancang Aktiviti

- Membangunkan **tiga (3) aktiviti STI/STEM** berdasarkan bidang kepakaran anda.
- Harus menerangkan **menerangkan berkenaan dengan Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)** kepada para pelajar supaya mereka tahu kepentingan menganggotai badan profesional demi mendapatkan pengiktirafan rasmi, sekaligus memupuk amalan kerja yang beretika dan berintegriti tinggi.
- Harus menerapkan **konsep MADANI** yang berteraskan **6 nilai iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan** demi menyemai prinsip ini dalam minda generasi muda seawal di bangku sekolah.
- Memastikan aktiviti adalah bersesuaian dengan kumpulan sasaran.
- Menggabungkan **elemen pembelajaran interaktif dan amali (hands-on)**.
- Menyediakan bahan dan sumber yang diperlukan.
- Para saintis digalakkan untuk berkongsi aktiviti saintifik mereka di platform media sosial seperti Facebook, Instagram, TikTok, dan sebagainya

B. FASA PELAKSANAAN

Saintis hendaklah melaksanakan tiga (3) aktiviti dalam tempoh tiga (3) bulan.

Setiap aktiviti hendaklah:

- Dijalankan selama lebih kurang satu (1) hingga dua (2) jam.
- Mempromosikan kesedaran dan penghayatan terhadap MBOT serta STI.
- Menggalakkan penyertaan dan penglibatan aktif.

Struktur Aktiviti

Pengenalan (15 Minit)

- Pengenalan saintis.
- Pengenalan kepada MBOT dan peranan teknologis serta juruteknik profesional.
- Perkongsian pengalaman kerjaya STEM/STI.
- Motivasi berkonsepkan MADANI

Aktiviti Utama (60 Minit)

- Bengkel STEM.
- Demonstrasi.
- Aktiviti amali (hands-on).
- Cabaran inovasi.
- Sesi pendedahan industri.

Libat Urus & Refleksi (15 Minit)

- Sesi Soal Jawab.
- Pementoran dan bimbingan.
- Refleksi dan maklum balas.

C. PEMANTAUAN KEMAJUAN

Bagi memastikan pemantauan program yang berkesan, keseluruhan penjejakan kemajuan kini disepadukan secara digital di mana **Saintis dikehendaki mengemas kini status pelaksanaan masing-masing secara berkala terus di dalam Sistem S3PM.**

Kemas kini kemajuan tersebut hendaklah menggambarkan pencapaian penting (*key milestones*) yang dilunaskan sepanjang kitaran tiga (3) bulan program, merangkumi fasa berikut:

- **Fasa 1: Jalinan Hubungan & Perancangan**
 - Pengesahan hubungan awal dengan sekolah yang dipadankan.
 - Kemas kini tarikh aktiviti dan jadual program yang telah dipersetujui bersama pihak sekolah.
- **Fasa 2: Persediaan Modul**
 - Pengesahan status penyediaan modul aktiviti, bahan, dan peralatan STEM.
- **Fasa 3: Pelaksanaan Aktiviti**
 - Kemas kini status **Selesai Aktiviti 1.**
 - Kemas kini status **Selesai Aktiviti 2.**
 - Kemas kini status **Selesai Aktiviti 3.**

Nota Penting: Tiada lagi penggunaan dokumen pemantauan luaran secara manual. Sistem S3PM bertindak sebagai hab pemantauan masa-nyata (*real-time tracking*) untuk pihak MBOT menyemak prestasi semasa setiap Saintis.

Kegagalan untuk memberikan kemas kini secara berkala boleh menjejaskan pemantauan program dan proses pembayaran.

D. FASA PASCA PELAKSANAAN

Setelah selesai melaksanakan kesemua tiga (3) aktiviti STI/STEM, saintis dikehendaki melengkapkan proses penutupan program secara atas talian. Kesemua dokumen sokongan dan status penjejakan akhir mestilah dikemukakan dan dilengkapkan sepenuhnya menerusi **Sistem S3PM**.

Perkara yang wajib dimuat naik dan dilengkapkan di dalam sistem adalah seperti berikut:

- **Dokumen & Laporan Aktiviti:**
 - Laporan penuh pelaksanaan aktiviti.
 - Ringkasan hasil (*outcomes*) dan impak program terhadap pelajar/sekolah.
- **Bukti Pelaksanaan & Kehadiran:**
 - Rekod kehadiran para pelajar dan komuniti sekolah yang terlibat.(gambar)
 - Galeri media (gambar dan video sepanjang pelaksanaan program).
- **Maklum Balas & Penilaian:**
 - Surat/borang testimoni rasmi daripada pihak sekolah.
 - Sebarang maklumat atau dokumen tambahan yang diminta oleh MBOT dari semasa ke semasa.
- **Status Akhir Pemantauan:**
 - Memastikan semua status petunjuk prestasi (*key milestones*) di dalam modul pemantauan Sistem S3PM telah ditanda sebagai **Selesai**.

E. PROSES PEMBAYARAN

MBOT akan memproses honorarium dan perbelanjaan program yang diluluskan secara berperingkat setelah:

- Pembayaran akan dibahagikan kepada dua peringkat
- 50% sebelum aktiviti bermula
- Baki 50% lagi selepas tiga (3) aktiviti selesai dilaksanakan